NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil .62 **7hb Jun 2018** **No. 12**

No. 2528.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

ANAK TAK SAH TARAF

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 *[Enakmen 16 Tahun 2003]*, Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

1. Anak tak sah taraf mengikut Hukum Syarak ialah :

   a) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.

   b) Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 lahzah mengikut Takwim Qamariah dari waktu setubuh kali pertama selepas akad nikah yang sah.

2. Anak tak sah taraf hendaklah di “bin” atau di “binti” kan kepada Abdullah atau lain-lain nama “*Asma Al-Husna*” berpangkalkan Abdul.

3. Oleh itu, adalah dilarang dan haram mengikut Hukum Syarak :

a) Mana-mana individu menasabkan anak tak sah taraf kepada lelaki sama ada yang menyebabkan kelahirannya atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf tersebut ;

b) Mana-mana individu lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tak sah taraf atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf tersebut menjadi wali kepada anak tak sah taraf tersebut ; dan

c) Anak tak sah taraf dengan lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau dengan mana-mana individu yang mengaku menjadi bapa kepada anak tak sah taraf tersebut pusaka mempusakai.

Bertarikh 5 Ramadan 1439 / 21 Mei 2018
[JMJ.351/04/01/6/42; PPUUNJ.600-1/5/8]

Dengan Titah,

DATO' HAJI M. TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN
Mufti Negeri Johor

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor